

U B389 DEB

MAHATHIR - ARAB

KUALA TERENGGANU, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENINGGATKAN RAKYAT, KHUSUSNYA UMAT ISLAM, JANGAN MEMBIARKAN DIRI MEREKA TERUS DIPERBODOHKAN OLEH ORANG-ORANG POLITIK TERTENTU, SEMATA-MATA KERANA ORANG BERKENAAN TAHU BERCAKAP ARAB.

KATANYA, KERANA TERPENGARUH DENGAN ORANG-ORANG SEUMPAMA ITU, RAMAI UMAT ISLAM DI NEGARA INI TELAH TERANIAYA SEHINGGA ADA DI ANTARA MEREKA YANG MATI SIA-SIA.

+ LEBIH MENYEDIHKAN LAGI, ADA DI ANTARA PENGIKUT ORANG-ORANG POLITIK ITU SETELAH MATI TIDAK DIMANDI ATAU DIKAFANKAN SEMASA DIKEBUMIKAN KERANA TERPENGARUH DENGAN AJARAN SESAT, + UJAR PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 10,000 ORANG PADA MAJLIS PERASMIAN PELABUHAN PERIKANAN CHENDERING, DEKAT SINI, PAGI TADI.

BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, ADALAH DALAM RANGKA LAWATAN TIGA HARI KE TERENGGANU, BERMULA SEMALAM. YANG TURUT HADIR DI MAJLIS ITU IALAH ISTERI BELIAU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DAN MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD. -- LAGI 1418MST 04 04 86

D367

U B390 DEB

MAHATHIR - ARAB 2 KUALA TERENGGANU

BELIAU MENINGGATKAN BAHAWA ORANG YANG TAHU BERCAKAP ARAB ITU TIDAK SEMESTINYA SEORANG ISLAM YANG BAIK YANG MENGAMALI AJARAN ISLAM DALAM ERTIKATA SEBENARNYA.

+ ADA DI KALANGAN ORANG ARAB SENDIRI YANG BERAGAMA KRISTIAN, + TEGAS PERDANA MENTERI, DISAMBUK DENGAN TEPUKAN GEMURUH PARA HADIRIN.

KATANYA, ORANG-ORANG POLITIK YANG TAHU BERCAKAP ARAB ITU MENGGUNAKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN DIRI DAN KUMPULAN MEREKA, MEMUTAR-BELITKAN AJARAN ISLAM DAN MEMBUAT TAFSIRAN AL-QURAN ATAU HADIS SECARA YANG SALAH ATAU SEKERAT-SEKERAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGGATKAN BAHAWA PADA KETIKA PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN BERUSAHA UNTUK MEMBAWA KEMAKMURAN DAN KEBAIKAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA BERLANDASKAN AJARAN ISLAM YANG TULEN, ORANG-ORANG POLITIK BERKENAAN BERGERAK DENGAN GHAIRAH SEKALI UNTUK MENIMBULKAN PERPECAHAN SESAMA UMAT DAN MENCETUSKAN KEADAAN HURUHARA.

+ AGAMA ISLAM TIDAK PERNAH MENGAJAR UMATNYA BERPECAH-BELAH ATAU MENIMBULKAN KESULITAN KEPADA ORANG LAIN. SEBALIKNYA ISLAM MENGAJAR UMATNYA BERSIKAP SEDERHANA DALAM SEGALA HAL, BAIK DARIPADA SEGI PERJALANAN DAN PERGERAKAN MAHUPUN DARIPADA SEGI PERTUTURAN, + KATANYA.

-- LAGI

1420MST 04 04 86

D368

U B391 DEB

MAHATHIR - ARAB 3 KUALA TERENGGANU

BELIAU BERKATA ISLAM TIDAK MENGAJAR UMATNYA BERMUSUHAN SESAMA MEREKA MALAH ISLAM JUGA TIDAK MENYURUH +KITA MEMUSUHI ORANG-ORANG BUKAN ISLAM SELAGI MEREKA TIDAK MEMUSUHI KITA+.

PERDANA MENTERI LALU MENGAJAK PENGIKUT ORANG-ORANG POLITIK ITU KEMBALI KE PANGKAL JALAN DENGAN MENGERATKAN PERPADUAN UMAT DAN MENYELESAIKAN SEBARANG PERTIKAIAN DENGAN MEROJOK KEPADA AL-QURAN DAN HADIS.

+ JIKA KITA SEMUA BERSATUPADU, SUDAH TENTU BANYAK MASALAH YANG DAPAT DISELESAIKAN DAN BANYAK PERKARA YANG BOLEH MEMBAWA MANFAAT KEPADA UMAT DAN NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LICIN DAN BERKESAN, + KATANYA. -- BERNAMA

1421MST 04 04 86